

21/08/2003

Ras Adiba tamat cabaran berkerusi roda 420 kilometer

PUTRAJAYA: Bekas personaliti TV3, Ras Adiba Radzi, menamatkan Cabaran Kembara Kerusi Roda 2003 selepas mengharungi pelbagai kesukaran sepanjang perjalanan sejauh 420 kilometer selama 13 hari, di Dataran Putra, di sini semalam.

Beliau yang memulakan cabaran di Dataran Johor Bahru pada 7 Ogos muncul orang kurang upaya (OKU) wanita pertama berkayuh kerusi roda dan berjaya mencipta rekod.

Malah, pencapaian khusus pada Bulan Kemerdekaan diiktiraf Malaysia Book of Records sebagai Ekspedisi Kerusi Roda Paling Jauh.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut mengucapkan tahniah kepada Ras Adiba apabila menamatkan kembara berkenaan.

Ucapan tahniah disampaikan melalui Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor yang mewakilinya menyambut ketibaan Ras Adiba di Dataran Putra, kira-kira jam 4 petang semalam.

Paluan kompang dan persembahan seni silat turut memeriahkan sambutan. Tengku Adnan turut menyampaikan sijil daripada Malaysia Book of Records kepada Ras Adiba.

Ras Adiba berkata, kejayaannya membuktikan OKU mampu menyahut apa juga cabaran seperti insan lain.

"Kembara ini membuktikan kami mampu melakukannya seperti orang lain. Kami harap orang ramai tidak lagi memanggil kami OKU, tetapi orang istimewa kerana kita mampu melakukannya," katanya.

Serentak itu, Ras Adiba menasihati golongan OKU supaya tidak berserah kepada nasib, sebaliknya berusaha dan berganding bahu membantu diri sendiri dan kerajaan.

"Kita juga mahu setaraf dengan orang lain," katanya sambil menambah bahawa kejayaannya ditujukan khas kepada semua OKU seluruh negara.

Beliau berkata, sepanjang perjalanan yang membabitkan empat negeri - Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor, pelbagai dugaan dan cabaran ditempuhi termasuk hujan dan panas.

Bagaimanapun, katanya, faktor cuaca tidak menghalangnya untuk meneruskan kembara hingga ke garis penamat di Putrajaya.

"Sokongan orang ramai di sepanjang perjalanan, terutama di kampung memberikan semangat dan kekuatan meneruskan kembara ini," katanya.

Tengku Adnan turut mengagumi Ras Adiba yang berjaya membuktikan wanita pada zaman ini boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan lelaki.

Selain itu, katanya, kejayaan itu juga membuktikan OKU mampu menyahut cabaran dan peluang untuk membuktikan mereka sama dengan individu normal.